

24 SEP 1998  
Abdullah-Goh

KAWALAN MODAL MALAYSIA BUKAN ANCAM NEGARA MAJU, KATA ABDULLAH

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 24 Sept (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, negara maju tidak patut melihat langkah pengawalan modal yang dilaksanakan oleh Malaysia sebagai mengancam kedudukan mereka.

Sebaliknya, kata beliau, mereka patut gembira sekiranya Malaysia berjaya.

"Negara maju patut ingat apabila negara membangun dapat memulihkan negara mereka, maka mereka akan menjadi rakan perdagangan dan rakan kerjasama ekonomi yang boleh menguntungkan negara maju," kata Abdullah.

Sekiranya negara membangun terus mundur dan menderita akibat masalah ekonomi yang tidak pulih, negara-negara ini akan menjadi beban negara-negara lain termasuk negara-negara maju, katanya.

Abdullah yang berada di New York berkata demikian dalam temuramah melalui telefon dari sini pada hari Rabu, ketika ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri Singapura Gok Chok Tong di sini sebelum itu.

Ketika bercakap kepada wartawan selepas pertemuan satu-sama-satu dengan Presiden Bill Clinton di White House, Goh telah berkata langkah Malaysia mengenakan kawalan modal merupakan contoh yang berbahaya bagi negara sedang muncul lain yang sedang menghadapi krisis kewangan global itu.

"Malaysia memulakannya... terdapat bahaya bahawa... negara lain mungkin mengikuti jejak langkah itu jika cara Malaysia menguruskan masalah ekonominya berjaya dalam jangka pendek," kata Goh yang sedang dalam rangka lawatan kerja lima hari ke Washington dan New York.

"Bahayanya ialah jika pengurusan jangka pendek itu menjadi jangka panjang," kata beliau.

Goh berkata beliau telah membincangkan isu itu dan tajuk lain yang berkaitan dengan krisis kewangan itu secara panjang lebar dengan Clinton.

Abdullah, yang pada hari Rabu juga telah menemui rakan-rakan sejawatannya dalam kumpulan G-8 dan G-15 di New York, berkata beberapa negara anggota menganggap langkah Malaysia menangani krisis kewangan ini sebagai "luar biasa dan berani."

Mereka berharap Malaysia akan berjaya dan kejayaannya boleh dijadikan contoh atau panduan baru bagi negara-negara membangun tanpa mengharap bantuan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF), katanya.

Langkah Malaysia itu, kata Abdullah, boleh dijadikan satu alternatif kepada pendekatan IMF yang pada hari ini terdapat kelemahannya.

Sementara itu Goh juga telah ditanya sama ada beliau bercadang untuk menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi menyelesaikan isu-isu membabitkan hubungan dua hala seperti matawang, larangan terhadap pesawat tentera udara Singapura memasuki ruang udara Malaysia dan isu Keretapi Tanah Melayu (KTM Berhad).

Beliau menjawab bahawa buat masa ini tidak ada keperluan segera untuk berbuat demikian memandangkan masalah dalaman yang dihadapi oleh Malaysia.

"Pertemuan dua hala akan diadakan pada masa yang sesuai," kata beliau.

-- BERNAMA

SH NMO